



**KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**



Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami: KPM.100-1/7/2 Jld. 4 (4)  
Tarikh: 21 Ogos 2017

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 7 TAHUN 2017***

**GARIS PANDUAN DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD PEMUSATAN  
TINGKATAN ENAM**

**TUJUAN**

1. Surat pekeliling ikhtisas ini memaklumkan pelaksanaan Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard Pemusatan Tingkatan Enam (T6) di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**LATAR BELAKANG**

2. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-203 pada 21 November 2013 telah meluluskan cadangan Penjenamaan Semula T6 dengan memperkenalkan kriteria pemusatan berdasarkan tiga Mod, iaitu Mod 1, Mod 2 dan Mod 3. Pemusatan T6 mula dilaksanakan pada tahun 2014 di sekolah-sekolah terpilih yang menawarkan pendidikan T6 di seluruh negara.

3. Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard ini adalah selaras dengan pelaksanaan penjenamaan semula T6 dan Inisiatif 46B: Pemantapan Pendidikan T6 di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. **Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard Pemusatan Tingkatan Enam** telah diluluskan dalam Mesyuarat Profesional KPM Bil.15/2017 pada 4 Mei 2017.

4. Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard ini menjelaskan prosedur yang perlu dipatuhi oleh semua pihak berkepentingan dalam melaksanakan pemusatan T6.

## **PELAKSANAAN**

5. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah memastikan **Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard Pemusatan Tingkatan Enam** dipatuhi bagi memastikan pemusatan T6 dilaksanakan secara teratur dan terancang selaras dengan peraturan-peraturan sedia ada.

6. Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard Pemusatan Tingkatan Enam yang terlibat merujuk kepada lampiran berikut:

- i. Lampiran 1 – Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard Pemusatan Tingkatan Enam
- ii. Lampiran 2 – Kolej Tingkatan Enam: Pembinaan Institusi Baharu Kolej Tingkatan Enam (KT6 PIB)
- iii. Lampiran 3 – Kolej Tingkatan Enam: Pengambilalihan Pembinaan Institusi Baharu (PIB)
- iv. Lampiran 4 – Kolej Tingkatan Enam: Penggunaan Premis Sedia Ada
- v. Lampiran 5 – Pusat T6 Mod 2
- vi. Lampiran 6 – Pusat T6 Mod 3

## **TARIKH KUAT KUASA**

7. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

8. YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan hendaklah mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)**  
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Menteri Pendidikan Malaysia
  2. Timbalan Menteri Pendidikan I
  3. Timbalan Menteri Pendidikan II
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Rektor  
Institut Pendidikan Guru Malaysia
  8. Ketua Nazir Sekolah  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
  9. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**GARIS PANDUAN DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD  
PEMUSATAN TINGKATAN ENAM**

## 1. TUJUAN

Prosedur Operasi Standard ini disediakan bagi memberi panduan berkaitan prosedur yang perlu dipatuhi bagi melaksanakan pemusatan di semua sekolah Tingkatan Enam seluruh Malaysia. Prosedur ini melibatkan khasnya guru, ibu bapa, murid, kelas dan sekolah Tingkatan Enam, KPM.

## 2. PENGENALAN

Inisiatif 46B: Pemantapan Pendidikan Tingkatan Enam merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 bagi menjenamakan semula pendidikan Tingkatan Enam dan menjadikannya sebagai salah satu pilihan utama pendidikan prauniversiti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Matlamat penjenamaan semula Tingkatan Enam adalah untuk:

- 2.1 meningkatkan imej, sistem dan kualiti pendidikan sejajar dengan sistem pendidikan prauniversiti lain; dan
- 2.2 menggalakkan lebih ramai murid mengikuti Tingkatan Enam sebagai pilihan kelayakan dan setanding dengan program prauniversiti yang ditawarkan oleh institusi pendidikan swasta.

Penjenamaan Semula Tingkatan Enam ini memperkenalkan pemusatan Tingkatan Enam seperti yang diluluskan pada **Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) Ke-203** pada 21 November 2013. Pemusatan dilaksanakan berdasarkan tiga mod, iaitu Mod 1, Mod 2 dan Mod 3 sebagai salah satu strategi memantapkan pendidikan Tingkatan Enam. Perancangan dan pengoperasian pemusatan Tingkatan Enam memerlukan Prosedur Standard Operasi bagi membantu pihak pelaksana memastikan kelancaran pemusatan Tingkatan Enam.

### 3. KRITERIA PEMUSATAN

Pemusatan Tingkatan Enam berdasarkan mod adalah seperti yang berikut:

#### 3.1 Kolej Tingkatan Enam (Pusat T6 Mod 1):

- i. mempunyai pentadbiran tersendiri;
- ii. penggunaan institusi baharu (PIB) sepenuhnya; atau
- iii. penggabungan T6 di sekolah aliran perdana dengan penyuraian murid arus perdana secara beransur-ansur; dan
- iv. mempunyai sekurang-kurangnya 12 buah kelas.

#### 3.2 Pusat T6 Mod 2

Pusat T6 Mod 2 pula diwujudkan di premis sekolah sedia ada bersama-sama arus perdana. Pusat T6 Mod 2 dilaksanakan melalui:

- i. pentadbiran pengetua sekolah sedia ada;
- ii. penggabungan kelas T6 daripada sekolah yang mempunyai T6 bagi mencapai bilangan sekurang-kurangnya 12 buah kelas;
- iii. penggabungan T6 bagi bilangan kelas T6 yang kurang daripada 12 buah kelas di sekolah aliran perdana dengan mengurangkan pengambilan Tingkatan Satu (T1) sekiranya bilangan bilik darjah tidak mencukupi;
- iv. Pusat T6 Mod 2 ialah premis T6 di blok berasingan di sekolah sedia ada dengan sekurang-kurangnya 12 buah kelas; dan
- v. Pusat T6 yang mempunyai kurang daripada 12 buah kelas, perlu bergabung dengan Pusat T6 yang lain untuk meningkatkan bilangan kelas kepada 12 buah kelas atau lebih.

### 3.3 Pusat T6 Mod 3

Pusat T6 Mod 3 pula diwujudkan di premis sekolah sedia ada bersama-sama arus perdana. Pusat T6 Mod 3 dilaksanakan melalui:

- i. pentadbiran pengetua sekolah sedia ada; dan
- ii. Pusat T6 Mod 3 dilaksanakan di sekolah sedia ada dengan bilangan kelas kurang daripada 12 buah kelas.

## 4. KRITERIA TAMBAHAN

Kriteria tambahan yang berikut perlu diambil kira dalam pemusatan Tingkatan Enam selain kriteria yang dinyatakan di atas:

- i. libat urus dilaksanakan bagi mendapatkan persetujuan ibu bapa dan murid T6 dan aliran perdana;
- ii. penataran dilaksanakan bagi memaklumkan perancangan pemusatan T6 bagi alumni dan komuniti;
- iii. sebarang pemusatan hendaklah mengambil kira penawaran pakej mata pelajaran yang bersesuaian berdasarkan sumber tenaga guru sedia ada;
- iv. cadangan pemusatan dibentangkan di mesyuarat peringkat negeri bagi mendapatkan persetujuan;
- v. cadangan perancangan dan pelan penyuraian murid aliran perdana yang teratur disediakan;
- vi. skop pembaikan/naiktaraf/penyelenggaraan perlu disediakan pada tahap minimum yang membolehkan bangunan/premis beroperasi sebagai pusat Tingkatan Enam;
- vii. tempoh pengoperasian kelas Tingkatan Enam perlu diselaraskan dengan permohonan peruntukan penyelenggaraan;



- viii. penggunaan premis sedia ada perlu melalui prosedur tukar guna premis di bawah Akta 550;
- ix. cadangan yang dipersetujui perlu mendapatkan pengesahan peringkat KPM;
- x. institusi pendidikan KPM yang tidak digunakan boleh dipertimbangkan untuk diubahsuai dan dinaikkan taraf sebagai Kolej Tingkatan Enam;
- xi. kuarters institusi pendidikan (KIP) berhampiran boleh dipertimbangkan untuk ditukar guna dan diubah suai sebagai asrama murid bagi Kolej Tingkatan Enam (Mod 1), Pusat Tingkatan Enam Mod 2 dan Pusat Tingkatan Enam Mod 3;
- xii. Pusat T6 Mod 2 yang berada di sekolah sedia ada perlu diubah suai dan dinaikkan taraf untuk membolehkan proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) T6 yang lebih berkesan;
- xiii. JPN perlu menyediakan pelan perancangan dan carta perbatuan pemusatan Tingkatan Enam dengan menyatakan sasaran bilangan Pusat Tingkatan Enam berdasarkan Mod dalam tempoh **lima tahun**;
- xiv. JPN hendaklah mengenal pasti keperluan peruntukan bagi pelaksanaan Pemusatan Tingkatan Enam setiap tahun dan membida peruntukan berkenaan dalam ABM tahunan. Keperluan peruntukan termasuk keperluan operasi dan juga keperluan *One-Off* seperti pembelian harta modal dan pengubahsuaian institusi pendidikan;
- xv. Pusat T6 di sekolah sedia ada perlu lebih kondusif untuk membolehkan proses PdP T6 yang lebih berkesan; dan
- xvi. enrolmen murid yang mencukupi dan konsisten bagi mengekalkan pusat Tingkatan Enam yang diwujudkan.

**PROSEDUR STANDARD OPERASI PEMUSATAN TINGKATAN ENAM**
**Kolej Tingkatan Enam (PusatT6 Mod 1)**
**A. Pembinaan Institusi Baharu Kolej Tingkatan Enam (KT6 PIB)**

TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
<b>PERANCANGAN PENGOPERASIAN KOLEJ TINGKATAN ENAM</b>	
<p><b>1. Pembukaan Kolej Tingkatan Enam (KT6) Baharu (Merujuk kepada Pusat Tingkatan Enam yang telah diberikan kelulusan oleh Menteri Pendidikan)</b>            KT6 baharu yang telah siap dan akan beroperasi di bangunan baharu perlu memenuhi syarat-syarat yang berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) KT6 yang dibina oleh Konsultan perlu mempunyai <i>Certificate Of Completion And Compliance</i> (CCC) daripada juruperunding yang bertanggungjawab atau yang dilantik oleh KPM; atau</li> <li>b) KT6 yang dibina oleh JKR perlu mempunyai surat pengesahan daripada JKR.</li> </ul>	JPN
<p><b>2. Pendaftaran KT6 baharu oleh Unit Pendaftaran JPN:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) JPN perlu memohon kod sekolah (KT6) daripada BPPDP, KPM setelah pembinaan 80 peratus siap dilaksanakan; dan</li> <li>b) JPN perlu mendapatkan kelulusan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Kewangan dan Perjawatan.</li> </ul>	JPN BPPD, KPM
<p><b>3. Prosedur penerimaan bangunan baharu:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) JPN menerima bangunan sekolah baharu yang telah siap sepenuhnya daripada Bahagian Pembangunan Pelajaran;</li> <li>b) JPN perlu memastikan sekolah beroperasi pada tahun yang sama sekiranya penyerahan bangunan dibuat di antara bulan Januari hingga Mei. Sekiranya penyerahan bangunan adalah di antara bulan Julai hingga Disember, maka sekolah hendaklah beroperasi selewat-</li> </ul>	JPN BPP, KPM BPPDP, KPM


<p>lewatnya pada bulan Jun tahun berikutnya;</p> <p>c) cadangan pembukaan sekolah baharu perlu dikemukakan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran Sekolah (JKPS) dengan menggunakan Borang A – Permohonan Pendaftaran Institusi Pendidikan (PPIP) (rujuk Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendaftaran Institusi Pendidikan) 1997. Pengarah JPN selaku Pengerusi JKPS perlu menurunkan tandatangan di borang berkenaan;</p> <p>d) Unit Perhubungan dan Pendaftaran JPN perlu mengemukakan Borang A – Permohonan Pendaftaran Institusi Pendidikan (PPIP) dan Borang Laporan Perubahan Maklumat Institusi Pendidikan (LPMIP) yang telah ditandatangani oleh Pengarah JPN berserta dokumen berkaitan (rujuk senarai semak) kepada BPPDP untuk mendapatkan kod sekolah (KT6);</p> <p>e) setelah PPIP dan LPMIP dikemukakan kepada BPPDP, kod sekolah (KT6) dan surat pengesahan/kelulusan kepada JPN untuk memulakan operasi KT6 akan dikeluarkan oleh BPPDP; dan</p> <p>f) setelah memperoleh kod sekolah (KT6) dan kelulusan untuk memulakan operasi daripada BPPDP, Pengarah JPN selaku Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru hendaklah mendaftarkan KT6 baharu tersebut dengan menandatangani surat Daftar Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan.</p>	
<b>TINDAKAN</b>	
<b>TANGGUNGJAWAB</b>	
<b>PENGOPERASIAN KOLEJ TINGKATAN ENAM</b>	
<p><b>4. Arahan Pengoperasian:</b>  JPN akan mengeluarkan arahan pengoperasian kepada Pengetua/<i>Caretaker</i> yang dilantik untuk mengambil tindakan-tindakan yang berikut:-</p> <p>a) memastikan salinan surat Daftar Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan berserta kod sekolah (KT6) diterima;</p>	<p>JPN PPD</p>

<p>b) membuka akaun bank KT6;  c) menerima geran pembukaan KT6;  d) menerima penyata perjawatan;  e) menerima perabot, peralatan dan mesin;  f) menerima barang dan peralatan KT6;  g) menerima guru dan staf sokongan;  h) memastikan perkhidmatan seperti kantin, kedai buku dan asrama (jika ada) disediakan;  i) menerima senarai murid daripada JPN/PPD;  j) menerima perkhidmatan pembersihan kawasan dan kawalan keselamatan;  k) menerima bekalan buku teks;  l) menyediakan visi dan misi KT6;  m) menyediakan lencana, lagu dan bendera KT6;  n) memaklumkan Jabatan Polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Kesihatan, Majlis Daerah / Perbandaran, Wakil Rakyat, JKKK dan Pejabat Daerah tentang pembukaan KT6 baharu;  o) menetapkan tarikh pendaftaran murid;  p) menubuhkan Jawatankuasa yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jawatankuasa Pengurusan KT6</li> <li>• Jawatankuasa Kurikulum</li> <li>• Jawatankuasa Kokurikulum</li> <li>• Jawatankuasa Hal Ehwal Murid</li> <li>• Jawatankuasa Kewangan</li> <li>• Jawatankuasa Pembangunan</li> </ul> <p>q) menerima murid; dan  r) menubuhkan dan mendaftar PIBG KT6 selepas sekolah beroperasi.</p>	
<p><b>5. Merekod Pendaftaran:</b></p> <p>a) JPN perlu menghantar satu salinan surat Daftar Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan yang telah ditandatangani oleh Pengarah JPN selaku Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada BPPDP untuk tujuan rekod; dan</p> <p>b) BPPDP akan menghantar satu salinan semua dokumen berkaitan pendaftaran sekolah baharu kepada sekolah dan JPN untuk tujuan rekod dan tindakan yang relevan. Dokumen berkenaan hendaklah dipamerkan.</p>	<p>JPN  BPPDP, KPM</p>


<p><b>Nota:</b> Bagi perancangan pemusatan T6 untuk KT6 PIB, Prosedur Operasi Standard ini dibaca bersama-sama Prosedur Operasi Standard seperti di Lampiran 3.</p>	
<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
<b>PASCAPENGOPERASIAN KOLEJ TINGKATAN ENAM</b>	
<p><b>6. Pemantauan berkala:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) pengurusan dan pentadbiran</li> <li>b) bilangan kelas</li> <li>c) enrolmen murid (trend 5 tahun)</li> <li>d) pakej mata pelajaran</li> <li>e) perjawatan guru dan AKP</li> <li>f) perolehan dan aset</li> </ul>	<p>BPSH JPN PPD</p>
<p><b>7. Trend enrolmen murid Tingkatan Enam ditingkatkan/dikawal.</b></p>	<p>BPSH JPN PPD Kolej Tingkatan Enam</p>



**CARTA ALIR PROSEDUR OPERASI STANDARD  
PEMUSATAN KOLEJ TINGKATAN ENAM  
Pembinaan Institusi Baharu Kolej Tingkatan Enam (KT6 PIB)**



## Carta Aliran 2 : Pembinaan Institusi Baharu Kolej Tingkatan Enam (KT6 PIB)



**PROSEDUR STANDARD OPERASI PEMUSATAN TINGKATAN ENAM**
**Kolej Tingkatan Enam (Pusat T6 Mod 1)**
**B. Pengambilalihan Pembinaan Institusi Baharu (PIB)**

TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
<b>PERANCANGAN PENGOPERASIAN KOLEJ TINGKATAN ENAM</b>	
<p>1. Cadangan pemusatan dan justifikasi pemilihan untuk kelulusan (mesyuarat peringkat JPN):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bangunan/tapak baharu KT6;</li> <li>b) Bilangan sekolah terlibat;</li> <li>c) Bilangan kelas;</li> <li>d) Bilangan murid;</li> <li>e) Bilangan guru;</li> <li>f) Pakej mata pelajaran;</li> <li>g) Infrastruktur (seperti bilangan bilik darjah, asrama, makmal sains, bilik-bilik khas, ICT, capaian internet dll.);</li> <li>h) Trend Enrolmen 5 tahun;</li> <li>i) Perancangan dan Pelan Penyuraian;</li> <li>j) Menetapkan tarikh beroperasi; dan</li> <li>k) Perolehan/pemindahan aset yang berkaitan mengikut keperluan T6.</li> </ul>	<p>JPN (PPD/sektor berkaitan)</p>
<p>2. Libat urus / <i>engagement</i> dan penataran bersama-sama:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) ibu bapa;</li> <li>b) murid;</li> <li>c) PIBG;</li> <li>d) Alumni; dan</li> <li>e) komuniti (SUK, Ahli Parlimen, ADUN dan pemimpin setempat).</li> </ul>	<p>JPN PPD Sekolah berkaitan</p>
<p>3. Cadangan pindah butiran perjawatan guru-guru Tingkatan Enam dari sekolah pusat asal.</p>	<p>BPSM JPN</p>
<p>4. Surat arahan pengoperasian kepada sekolah sebelum Arahan Penempatan (AP) dikeluarkan kepada guruT6.</p>	<p>JPN</p>
<p>5. Surat AP guru T6.</p>	<p>BPSM JPN</p>



6. Surat pertukaran murid T6.	JPN PPD
7. Pengisian perjawatan pengurusan KT6 berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam (GPPT6) .	BPSM JPN
8. Memaklumkan KPM (BPPDP) cadangan pengoperasian / pemusatan KT6 bagi mendapatkan kelulusan: a) JPN menghantar surat pemakluman pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3; b) memaklumkan Ketua Pendaftar untuk kelulusan pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3; dan c) Surat kelulusan pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3 dihantar kepada JPN.	JPN KPM (BPPDP)
9. Pembukaan KT6 baharu: a) penerimaan bangunan baharu mengikut prosedur semasa pembukaan sekolah baharu; b) membuat permohonan kod dan pendaftaran KT6; dan c) membuat pendaftaran KT6 dengan menggunakan Borang A.	JPN KPM
<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
<b>PENGOPERASIAN KOLEJ TINGKATAN ENAM</b>	
10. Pergerakan guru T6 sedia ada.	JPN PPD Kolej Tingkatan Enam
11. Pergerakan murid T6.	JPN PPD
12. Penyaluran murid T6 bawah ke KT6.	JPN
13. Permohonan pemindahan PCG.	JPN Kolej Tingkatan Enam



14. Pemindahan aset/ inventori yang berkaitan mengikut prosedur semasa.	JPN Kolej Tingkatan Enam
15. Pemakluman pertukaran pusat peperiksaan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).	JPN MPM
<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
<b>PASCAPENGOPERASIAN KOLEJ TINGKATAN ENAM</b>	
16. Pemantauan berkala:  a) pengurusan dan pentadbiran; b) bilangan kelas; c) enrolmen murid ( <i>trend</i> 5 tahun); d) pakej mata pelajaran; e) perjawatan guru dan AKP; dan f) perolehan dan aset.	BPSH JPN PPD
17. Trend enrolmen murid Tingkatan Enam ditingkatkan / dikawal.	BPSH JPN PPD Kolej Tingkatan Enam



**PROSEDUR STANDARD OPERASI PEMUSATAN TINGKATAN ENAM**  
**Kolej Tingkatan Enam (Pusat T6 Mod 1)**

**C. Penggunaan Premis Sedia Ada**

TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
<b>PERANCANGAN PENGOPERASIAN KOLEJ TINGKATAN ENAM</b>	
<p>1. Cadangan pemusatan dan justifikasi pemilihan untuk kelulusan (mesyuarat peringkat JPN):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) bangunan/tapak baharu KT6;</li> <li>b) bilangan sekolah terlibat;</li> <li>c) bilangan kelas;</li> <li>d) enrolmen murid;</li> <li>e) bilangan guru;</li> <li>f) pakej mata pelajaran;</li> <li>g) infrastruktur(seperti bilangan bilik darjah, asrama, makmal sains, bilik-bilik khas, ICT, capaian internet dll.);</li> <li>h) trend enrolmen 5 tahun;</li> <li>i) perancangan dan Pelan Penyuraian;</li> <li>j) menetapkan tarikh beroperasi; dan</li> <li>k) perolehan/pemindahan aset yang berkaitan mengikut keperluan T6.</li> </ul>	<p>JPN (PPD/sektor berkaitan)</p>
<p>2. Libat urus / <i>engagement</i> dan penataran bersama:,</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) ibu bapa;</li> <li>b) murid;</li> <li>c) PIBG;</li> <li>d) alumni; dan</li> <li>e) komuniti (SUK, Ahli Parlimen, ADUN dan pemimpin setempat).</li> </ul>	<p>JPN PPD Sekolah berkaitan</p>
<p>3. Cadangan pindah butiran perjawatan guru-guru Tingkatan Enam dari sekolah pusat asal.</p>	<p>BPSM JPN</p>
<p>4. Surat arahan pengoperasian kepada sekolah sebelum Arahan Penempatan (AP) dikeluarkan kepada guru T6.</p>	<p>JPN</p>

5. Surat AP guru T6.	BPSM JPN
6. Surat pertukaran murid T6.	JPN PPD
7. Pengisian perjawatan pengurusan KT6 berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam (GPPT6).	BPSM JPN
8. Memaklumkan kepada KPM cadangan pengoperasian/pemusatan KT6 bagi mendapatkan pengesahan .	JPN KPM (BPPDP)
9. Memaklumkan KPM (BPPDP) cadangan pengoperasian / pemusatan KT6 bagi mendapatkan kelulusan: a) JPN menghantar surat pemakluman pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3; b) memaklumkan Ketua Pendaftar untuk kelulusan pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3; dan c) Surat kelulusan pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3 dihantar kepada JPN.	JPN KPM (BPPDP)
<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
<b>PENGOPERASIAN KOLEJ TINGKATAN ENAM</b>	
10. Pergerakan guru T6 sedia ada.	JPN PPD Sekolah
11. Pergerakan murid T6.	JPN PPD
12. Penyaluran murid T6 bawah ke KT6.	JPN
13. Permohonan pemindahan PCG .	JPN Kolej Tingkatan Enam
14. Pemindahan aset/ inventori yang berkaitan mengikut prosedur semasa.	JPN Kolej Tingkatan Enam

15. Pemakluman pertukaran Pusat Peperiksaan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).	JPN MPM
<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
<b>PASCAPENGOPERASIAN KOLEJ TINGKATAN ENAM</b>	
16. Pemantauan berkala:  a) pengurusan; b) kelas; c) murid; d) pakej; e) perjawatan; dan f) aset.	BPSH JPN PPD
17. Trend enrolmen murid Tingkatan Enam ditingkatkan / dikawal.	BPSH JPN PPD Kolej Tingkatan Enam





**PROSEDUR STANDARD OPERASI PEMUSATAN TINGKATAN ENAM**  
**Pusat T6 Mod 2**

TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
<b>PERANCANGAN PENGOPERASIAN PUSAT T6 MOD 2</b>	
<p>1. Cadangan pemusatan dan justifikasi pemilihan untuk kelulusan (mesyuarat peringkat JPN):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) cadangan premis;</li> <li>b) bilangan sekolah terlibat;</li> <li>c) bilangan kelas;</li> <li>d) bilangan murid;</li> <li>e) bilangan guru;</li> <li>f) pakej mata pelajaran;</li> <li>g) infrastruktur (seperti bilangan bilik darjah, asrama, makmal sains, bilik-bilik khas, ICT, capaian internet dll.);</li> <li>h) trend Enrolmen 5 tahun; dan</li> <li>i) *perancangan dan pelan penyuraian.</li> </ul> <p><i>*Sekiranya berkaitan</i></p>	<p>JPN (PPD/sektor berkaitan)</p>
<p>2. Pembukaan Pusat T6 Mod 2:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) menetapkan tarikh beroperasi; dan</li> <li>b) perolehan / pemindahan aset yang berkaitan mengikut keperluan T6.</li> </ul>	<p>JPN PPD</p>
<p>3. *Libat urus / <i>engagement</i> dan penataran bersama:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) ibu bapa;</li> <li>b) murid;</li> <li>c) PIBG;</li> <li>d) alumni; dan</li> </ul>	<p>JPN PPD sekolah</p>



e) komuniti(SUK, Ahli Parlimen, ADUN dan pemimpin setempat). <i>*Sekiranya berkaitan</i>	
4. Cadangan pindah butiran perjawatan guru-guru Tingkatan Enam dari sekolah pusat asal.	BPSM JPN
5. Surat arahan pengoperasian kepada sekolah sebelum Arahan Penempatan (AP) dikeluarkan kepada guru T6.	JPN
6. Surat AP guru T6.	BPSM JPN
7. Surat pertukaran murid T6.	JPN PPD
8. Pengisian perjawatan pengurusan Pusat T6 Mod 2berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam (GPPT6).	BPSM JPN
9. Memaklumkan KPM (BPPDP) cadangan pengoperasian / pemusatan KT6 bagi mendapatkan kelulusan: a) JPN menghantar surat pemakluman pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3; b) memaklumkan Ketua Pendaftar untuk kelulusan pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3; dan c) surat kelulusan pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3 akan dihantar kepada JPN.	JPN KPM (BPPDP)
<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
<b>PENGOPERASIAN PUSAT T6 MOD 2</b>	
10. *Pergerakan guru T6 sedia ada. <i>*Sekiranya berkaitan</i>	JPN PPD Sekolah

11. *Pergerakan murid T6. <i>*Sekiranya berkaitan</i>	JPN PPD
12. Penyaluran murid T6 bawah ke Pusat T6 Mod 2.	JPN
13. *Permohonan pemindahan PCG. <i>*Sekiranya berkaitan</i>	JPN Sekolah
14. *Pemindahan aset/ inventori yang berkaitan mengikut prosedur semasa. <i>*Sekiranya berkaitan</i>	JPN Sekolah
15. *Pemakluman pertukaran Pusat Peperiksaan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). <i>*Sekiranya berkaitan</i>	JPN MPM
<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
<b>PASCAPENGOPERASIAN PUSAT T6 MOD 2</b>	
16. Pemantauan berkala:  a) pengurusan dan pentadbiran; b) bilangan kelas; c) enrolmen murid ( <i>trend</i> 5 tahun); d) pakej mata pelajaran; e) perjawatan guru dan AKP; dan f) perolehan dan aset.	BPSH JPN PPD





**PROSEDUR STANDARD OPERASI PEMUSATAN TINGKATAN ENAM  
Pusat T6 MOD 3**

TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
<b>PERANCANGAN PENGOPERASIAN PUSAT T6 MOD 3</b>	
<p>1. Cadangan pemusatan dan justifikasi pemilihan untuk kelulusan (mesyuarat peringkat JPN):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) cadangan premis;</li> <li>b) bilangan sekolah terlibat;</li> <li>c) bilangan kelas;</li> <li>d) bilangan murid;</li> <li>e) bilangan guru;</li> <li>f) pakej mata pelajaran;</li> <li>g) infrastruktur (seperti bilangan bilik darjah, asrama, makmal sains, bilik-bilik khas, ICT, capaian internet dll.);</li> <li>h) trend Enrolmen 5 tahun; dan</li> <li>i) *perancangan dan pelan penyuraian.</li> </ul> <p><i>*Sekiranya berkaitan</i></p>	<p>JPN (PPD/sektor berkaitan)</p>
<p>2. Pembukaan Pusat T6 Mod 3:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) menetapkan tarikh beroperasi; dan</li> <li>b) perolehan / pemindahan aset yang berkaitan mengikut keperluan T6.</li> </ul>	<p>JPN PPD</p>
<p>3. *Libat urus / <i>engagement</i> dan penataran bersama-sama:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) ibu bapa;</li> <li>b) murid;</li> <li>c) PIBG;</li> <li>d) Alumni; dan</li> <li>e) komuniti(SUK, Ahli Parlimen, ADUN dan pemimpin setempat).</li> </ul> <p><i>*Sekiranya berkaitan</i></p>	<p>JPN PPD Sekolah</p>
<p>4. Cadangan pindah butiran perjawatan guru-guru Tingkatan Enam dari sekolah pusat asal.</p>	<p>BPSM JPN</p>

5. Surat arahan pengoperasian kepada sekolah sebelum Arahan Penempatan (AP) dikeluarkan kepada guru T6.	JPN
6. Surat AP guru T6.	BPSM JPN
7. Surat pertukaran murid T6.	JPN PPD
8. Pengisian perjawatan pengurusan Pusat T6 Mod 3 berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam (GPPT6).	BPSM JPN
9. Memaklumkan KPM (BPPDP) cadangan pengoperasian / pemusatan KT6 bagi mendapatkan kelulusan: a) JPN menghantar surat pemakluman pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3; b) memaklumkan Ketua Pendaftar untuk kelulusan pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3; dan c) surat kelulusan pembukaan Kolej Tingkatan 6 dan Pusat Tingkatan 6 Mod 2 dan Mod 3 akan dihantar kepada JPN.	JPN KPM (BPPDP)
<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
<b>PENGOPERASIAN PUSAT T6 MOD 3</b>	
10. *Pergerakan guru T6 sedia ada. <i>*Sekiranya berkaitan</i>	JPN PPD Sekolah
11. *Pergerakan murid T6. <i>*Sekiranya berkaitan</i>	JPN PPD
12. Penyaluran murid T6 bawah ke Pusat T6 Mod 3.	JPN
13. *Permohonan pemindahan PCG. <i>*Sekiranya berkaitan</i>	JPN Sekolah
14. *Pemindahan aset / inventori yang berkaitan mengikut prosedur semasa. <i>*Sekiranya berkaitan</i>	JPN Sekolah

<p>15. *Pemakluman pertukaran Pusat Peperiksaan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). *Sekiranya berkaitan</p>	<p>JPN MPM</p>
<b>TINDAKAN</b>	<b>TANGGUNGJAWAB</b>
<b>PASCAPENGOPERASIAN PUSAT T6 MOD 3</b>	
<p>16. Pemantauan berkala:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) pengurusan dan pentadbiran;</li> <li>b) bilangan kelas;</li> <li>c) enrolmen murid (<i>trend</i> 5 tahun);</li> <li>d) pakej mata pelajaran;</li> <li>e) perjawatan guru dan AKP; dan</li> <li>f) perolehan dan aset.</li> </ul>	<p>BPSH JPN PPD</p>

